



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

Bahasa dan kuasa: analisis wacana bahasa perundingan Nabi Yusuf AS dengan saudara-saudara Baginda

[Language and power: discourse analysis of the language of negotiation between Prophet Yusuf AS and his siblings]

Kasmawati Zakaria* & Munif Zarirruddin Fikri Nordin

Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, Malaysia.

*Corresponding Author: Kasmawati Zakaria. Pusat Pengajian Bahasa, Tamadun dan Falsafah (SLCP), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah, Malaysia. e-Mail: drkas2017@gmail.com. Telp.: +6013-5970049.

Keywords:

*Discourse Analysis,
Negotiation, Surah Yūsuf,
Language, Power*

ABSTRACT

Negotiation is a form of social interaction implemented in the amity process between individuals and conflicting groups. Using effective language in negotiations is essential to ensure that the objectives of the negotiation can be achieved, especially in the development of good relations between the two parties. This study focuses on how Prophet Yusuf AS used the language in changing social practices, which is the conflict between him and his siblings through negotiations. In particular, this study was conducted to describe the dialogue between Prophet Yusuf AS and his siblings during the negotiation process by analysing i) the use of language as the main medium of negotiation and ii) the relationship of the negotiator's power with the language in the negotiation. This paper uses qualitative approach through analysis of Quranic discourse, al-Jurjānīy methodology as well as critical discourse analysis from the Fairclough method (1992; 2003). For the purpose of this analysis, the negotiation discourse chosen is the text of the dialogue between Prophet Yusuf AS and his siblings from Surah Yūsuf in the three phases of the negotiations, which are the negotiation on the preparation of food supplies, the Bunyāmin detention negotiations and the peace negotiation. Based on Fairclough's critical discourse analysis approach, the textual dimensions of this study include modalities, particles and text structure. While the dimensions of discourse practice are limited to the power of speech only. The analysis of the dimensions of social practice is shown through the relationship between the two dimensions. It can be pointed out that there is a social practicality that describes the use of power in the discourse of the negotiation of Yusuf AS with his siblings, and the use of language involved is persuasive, assertive, and politeness.

Kata Kunci:

*Analisis Wacana,
Perundingan, Surah Yūsuf,
Bahasa, Kuasa*

ABSTRAK

Perundingan merupakan salah satu bentuk interaksi sosial yang digunakan dalam proses perdamaian antara individu mahupun kumpulan yang berkonflik. Kemahiran penggunaan bahasa yang efektif dalam perundingan sangat penting bagi memastikan objektif perundingan dapat dicapai khususnya dalam pembinaan hubungan yang baik antara kedua-dua belah pihak. Kajian ini memberi fokus kepada cara Nabi Yusuf AS menggembelng bahasa dalam

mengubah amalan sosial iaitu konflik antara baginda dengan saudara-saudaranya melalui wacana perundingan. Secara khususnya, kajian ini dilakukan untuk melakukan deskripsi terhadap dialog antara Nabi Yusuf AS dengan saudara-saudaranya semasa proses perundingan menerusi penganalisan terhadap i) penggunaan bahasa sebagai medium utama perundingan; dan ii) hubungan kuasa perunding dengan bahasa dalam perundingan. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui analisis wacana al-Quran, metode al-Jurjānī serta analisis wacana kritis, metode Fairclough (1992; 2003). Wacana perundingan yang dipilih untuk tujuan analisis ini ialah teks dialog antara Nabi Yusuf AS dan saudara-saudaranya daripada surah *Yūsuf* dalam tiga fasa perundingan iaitu perundingan penyediaan bekalan makanan, perundingan penahanan Bunyāmin dan perundingan perdamaian. Berdasarkan pendekatan analisis wacana kritis Fairclough itu, dimensi tekstual kajian ini meliputi modaliti, partikel dan struktur teks. Manakala dimensi amalan wacana dibataskan kepada daya ujaran sahaja. Analisis dimensi amalan sosial diperlihatkan melalui pertalian antara kedua-dua dimensi. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat praktis sosial yang menggambarkan wujud penggunaan kuasa dalam wacana perundingan Nabi Yusuf AS dengan saudara-saudaranya di samping penggunaan bahasa baginda yang bersifat persuasif, tegas dan santun yang membentuk hubungan sosial antara mereka.

Received: May 05, 2021

Accepted: June 18, 2021

Online Published: June 23, 2021

1. Pendahuluan

Perundingan memainkan peranan yang sangat penting untuk mencapai persetujuan antara individu mahupun kumpulan yang berkonflik. Apabila berlaku konflik keluarga, perundingan sangat dituntut dalam Islam kerana Islam mementingkan kasih sayang dan penjagaan hubungan kekeluargaan (Mariam et al., 2020). Hal ini kerana keluarga merupakan orang terdekat yang mempunyai pertalian darah dan keturunan. Perundingan dalam suasana aman bukan sahaja dapat menghidupkan proses sosial seperti menjalin hubungan baik, mengeratkan tali persaudaraan, menyemai kasih-sayang, memupuk kerjasama, malah melancarkan urusan penyelesaian konflik (Norhayati Rafida et al., 2012). Keharmonian kehidupan berkeluarga ialah tanggungjawab setiap anggota keluarga kerana dapat membentuk kehidupan masyarakat yang lebih harmoni.

Kajian-kajian terkini (Chang, 2021; Geiger, 2017; Shell, 2019) mendapati bahawa perundingan yang berkesan bergantung pada strategi dan taktik yang digunakan sepanjang perundingan. Penggunaan bahasa merupakan salah satu strategi yang diakui keberkesanannya terutama apabila berhadapan dengan konflik (Leeuwis, 2000; Mulholland, 1991). Malah, Asmah (2000) juga berpendapat bahawa seseorang perunding perlu menguasai bahasa untuk digunakan dalam rundingan dan tumpuan turut diberikan pada aspek nahu dan penyebutan. Dalam perundingan, bahasa berupaya digunakan untuk mengubah keadaan, mengawal pihak yang berkonflik dan juga mewujudkan kuasa sosial (Hayashi & Hayashi, 1997). Hal ini menunjukkan dalam bahasa itu sendiri terdapat unsur-unsur kuasa (Fairclough, 1992) yang terjelma melalui praktis sosial. Sungguhpun demikian, bahasa jarang diterokai untuk memperoleh maklumat bagi memahami proses sosial (Idris, 2008).

Dialog-dialog dalam al-Quran merupakan satu bentuk komunikasi dan perundingan adalah salah satu cara komunikasi disampaikan (Abbas, 2019). Justeru, dalam kajian ini, dialog-dialog dalam surah *Yūsuf* dilihat sebagai satu bentuk perundingan. Kajian surah ini bertujuan memperlihatkan cara bahasa dan kuasa dimanfaatkan dalam perundingan yang dilakukan oleh Nabi Yusuf AS dalam proses perdamaian antara baginda dan saudara-saudaranya menerusi penganalisan terhadap penggunaan bahasa sebagai medium utama perundingan, dan hubungan kuasa perunding dengan bahasa dalam perundingan.

2. Bahasa Perundingan Dan Kuasa

Sapir (1921), mendefinisikan bahasa sebagai suatu kaedah bukan naluri yang digunakan oleh manusia dalam menyampaikan idea, emosi dan keinginan melalui ciptaan simbol-simbol yang lahir secara sadar. Mengenal bahasa menurut beliau, bukan sekadar kajian tentang hubungan bahasa dan budaya, tetapi kemuncaknya ialah pengetahuan tentang dunia dan pengaruhnya. Berbanding dengan Fairclough (1995), beliau melihat wacana sebagai penggunaan bahasa dari kaca mata praktis sosial. Penelitian tentang analisis wacana tertumpu pada perkaitan teks dan praktis sosiobudaya. Penggunaan bahasa dalam perundingan merupakan antara contoh bahasa yang dimanipulasikan untuk proses sosial seperti bekerjasama, bertolak-ansur dan berkasih-sayang. Perunding menggunakan bahasa sebagai medium untuk berinteraksi dengan pihak lawan dengan cara memujuk, menimbang, menasihati dan sebagainya. Dalam proses ini, kekuatan dan potensi bahasa sebagai alat komunikasi menjadi lebih berfungsi apabila perunding dapat membina kemahiran berbahasa dalam mengurus serta menyusun strategi dan taktik perundingan untuk mendapatkan kepercayaan daripada pihak lawan (Mulholland, 1991). Menurut al-Zuhailīy (2003), perundingan memberi suasana yang aman kerana bahasa yang digunakan dalam perundingan mengandungi elemen pemujukan dalam suasana hormat-menghormati antara satu sama lain. Dengan demikian, perundingan yang berakhir dengan situasi menang-menang dapat dilaksanakan supaya kepuasan hasil perundingan dapat dirasakan bersama.

Perundingan untuk penyelesaian konflik khususnya, memerlukan komitmen interaksi yang tinggi kerana kedua-dua belah pihak berusaha untuk menyelesaikan keinginan mereka yang berlawanan (Pruitt, 1983). Dalam perundingan, penggunaan kuasa bergantung kepada siapakah yang ingin dirunding (Lewicki, Saunders, & Barry, 2015). Kebanyakan perunding percaya kuasa dalam perundingan sangat penting untuk memberi kekuatan berhadapan dengan pihak lawan. Umumnya, kuasa dinilai melalui pangkat, jantina, usia, reputasi, kedudukan, penampilan dan saiz (Reardon, 2004). Walau bagaimanapun, perunding yang baik tidak akan menyalahgunakan kuasa dengan meletakkan kepentingan peribadi mengatasi kepentingan orang lain yang hanya akan memberi kesan yang lebih buruk dalam perundingan (Patton, 2005). Oleh sebab yang demikian, Kim, Pinkley dan Fragale (2005) telah memperkenalkan model dinamik kuasa perunding untuk melihat kerangka konsep perjalanan kuasa dari sudut pengertian, punca kewujudan kuasa, struktur serta perubahan kuasa agar perunding dapat menguruskan kuasa secara efektif dalam perundingan. Mereka membahagikan kuasa kepada empat komponen, iaitu potensi kuasa (keupayaan perunding memperoleh manfaat daripada perundingan), kuasa yang diamati (penilaian perunding tentang potensi kuasa setiap pihak yang dirunding), taktik kuasa (usaha yang dirancang oleh perunding untuk menggunakan atau mengubah kuasa hubungan) dan kuasa sebenar (perunding mendapat faedah daripada interaksi yang berlaku).

Kuasa dalam wacana diteliti melalui unsur-unsur linguistik dan amalan wacana yang dimanfaatkan oleh perunding bagi mendapatkan tindakan di pihak yang dirunding sebagaimana yang disarankan oleh Aman (2000). Walau bagaimanapun, menurut beliau pemanfaatan kuasa hanya berlaku apabila perunding berada pada kedudukan memiliki wibawa. Maka, pelaksanaan kuasa dapat mempengaruhi seseorang sama ada secara positif atau negatif. Praktis kuasa yang terselindung dalam bahasa memperlihatkan cara bahasa dimanfaatkan dalam perundingan untuk menyelesaikan konflik. Sehubungan itu, amalan sosial terhasil daripada gabungan binaan ciri-ciri teks dan amalan wacana.

3. Latar Belakang Wacana Kajian

Kajian ini memilih surah Yūsuf untuk dianalisis. Surah yang ke-12 dalam al-Quran ini berkisar tentang kisah Nabi Yusuf AS sejak kecil sehingga dewasa. Antara keistimewaan Nabi Yusuf a.s ialah memiliki rupa paras yang menarik serta perwatakan yang menawan. Keistimewaan yang dimiliki oleh baginda sedikit sebanyak memberi kesan kepada ayahnya dalam memberi tumpuan dan kasih-sayang yang lebih kepada baginda. Keadaan ini merupakan punca tercetusnya konflik saudara yang disebabkan oleh perasaan dengki dan iri hati dengan kasih-sayang seorang ayah yang dikatakan pilih kasih (al-Najjār, 2004). Malah, perasaan dengki mereka hampir membuatkan Nabi Yusuf AS terbunuh. Walau bagaimanapun, atas perasaan sedikit belas kasihan, baginda dibuang oleh saudara-saudaranya ke dalam perigi buta. Perpisahan sementara antara Nabi Yusuf AS dengan saudara-saudaranya tidak menghentikan penderitaan hidup baginda. Kisah Nabi Yusuf AS yang dirakamkan dalam keseluruhan surah Yūsuf menceritakan sisi kehidupan Nabi Yusuf AS yang penuh dengan ujian. Namun, atas kesabaran baginda menempuh ujian-ujian tersebut, Allah SWT mengangkat martabat baginda sebagai seseorang yang berwibawa dan mempunyai kedudukan di Mesir (al-Binnīy, 2003).

Pertemuan semula baginda dengan saudara-saudaranya berlaku apabila mereka datang ke Mesir untuk mendapatkan bekalan makanan. Kemarau yang berpanjangan di Mesir turut melanda kawasan sekitarnya

termasuk Palestin; iaitu tempat tinggal keluarga Nabi Yusuf AS Peluang pertemuan ini digunakan dengan sebaik-baiknya oleh Nabi Yusuf AS untuk menghubungkan kembali hubungan kekeluargaan yang terpisah seterusnya menyelesaikan konflik antara mereka. Dengan pertolongan daripada Allah SWT, proses perundingan berlangsung dengan terancang apabila baginda tidak dikenali oleh saudara-saudaranya. Malah, kedudukan baginda selaku Menteri Kewangan turut memberi ruang kepada baginda berurusan dengan saudara-saudaranya secara langsung dalam urusan ehwal makanan.

4. Metodologi Kajian

Data kajian berupa teks dialog Nabi Yusuf AS dengan saudara-saudaranya yang terdapat dalam surah Yūsuf dan dihuraikan dengan kupasan yang terperinci dari kitab *Tafsīr al-Munīr* oleh al-Zuhailīy (2007). Analisis data dibuat ke atas teks terjemahan bahasa Melayu dari *Tafsīr Pimpinan Al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran* (2009) yang diterjemahkan oleh Sheikh Abdullah Basmeih.

Kajian ini menumpukan kepada tiga fasa perundingan ketika pertemuan semula mereka di Mesir. Fasa pertama, iaitu perundingan penyediaan bekalan makanan, fasa kedua, iaitu perundingan penahanan Bunyamin, dan fasa ketiga, iaitu perundingan perdamaian setelah Nabi Yusuf AS mengisytiharkan dirinya sebagai saudara kandung mereka. Pengekoden kemudiannya ditentukan berdasarkan fasa dan ayat yang mewakili fasa tersebut. Sebagai contoh, fasa pertama ditandakan dengan nombor 1 dan diikuti dengan nombor ayat yang mewakili fasa selepas noktah seperti 1.A59.

Dalam kajian ini, analisis amalan wacana dihadkan kepada daya ujaran (*force of utterances*) sahaja yang diperincikan kepada beberapa lakuan bahasa (*speech act*) seperti janji, permintaan, ancaman, dan sebagainya (Fairclough, 1992). Daya ujaran yang dimaksudkan ialah fungsi ujaran (*speech function*) seperti pernyataan, pertanyaan, permintaan, dan penawaran (Fairclough, 2003). Didapati, daya ujaran dan lakuan bahasa mempunyai keseragaman apabila penawaran boleh berupa janji, ancaman, pemaafan, dan terima kasih, manakala permintaan boleh berupa arahan, permohonan, dan rayuan (Aman, 2008). Menurut Fairclough (1992), analisis terhadap ciri-ciri teks merangkumi aspek nahu, kosa kata, kohesi, dan struktur teks. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya menumpukan kepada penggunaan modaliti, partikel dan struktur dialog oleh sebab fokus kajian yang terbatas kepada memperlihatkan praktis kuasa dalam dialog antara Nabi Yusuf a.s dan saudara-saudaranya. Bagi melihat hubungan modaliti dan partikel dalam teks al-Quran, kajian ini mengetengahkan kaedah yang dikemas kini oleh ‘Abd al-Qāhir al-Jurjānīy iaitu seseorang yang mempunyai kredibiliti dalam membahaskan balāghat (retorik Arab) dalam teks-teks al-Quran (Munif, 2008).

5. Hasil Penelitian

Bahagian ini memaparkan hasil penelitian kajian yang melibatkan daya ujaran, iaitu pernyataan, pertanyaan, permintaan, dan penawaran, hubungan modaliti (*ṣīghat*) dan partikel (*adāt*) dalam bentuk perintah (*amr*), larangan (*nahy*) dan pertanyaan (*istifhām*) serta struktur dialog. Huraian hasil penelitian ini dibincangkan seperti berikut:

5.1 Daya Ujaran

Dalam dialog Nabi Yusuf AS, baginda memanfaatkan kesemua fungsi ujaran iaitu pernyataan, pertanyaan, permintaan, dan penawaran. Dalam perundingan ini, baginda menyeimbangkan dua perwatakan yang dimiliki iaitu sebagai Menteri Kewangan dan juga saudara kandung kerana hanya baginda yang mengenali saudara-saudaranya sedangkan mereka tidak mengenali baginda (al-Binnīy, 2003). Penelitian terhadap daya ujaran dibuat berdasarkan teks dialog yang diterjemahkan.

Jadual 1. Daya Ujaran Permintaan Nabi Yusuf AS

Bil	Fasa dan Ayat (A)	Fungsi
1.	1.A59 ... (Pada kali yang lain) bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa.	Pujukan
2.	1.A60 ... janganlah kamu menghampiriku lagi.	Arahan
3.	2.A69 ... oleh itu janganlah kamu berdukacita lagi disebabkan apa yang mereka lakukan.	Pujukan
4.	3.A93 Pergilah dengan membawa bajuku ini, kemudian letakkan pada muka ayahku supaya dia dapat melihat, dan selepas itu bawalah kepadaku keluarga kamu semuanya.	Permohonan

Nabi Yusuf AS banyak memanfaatkan daya ujaran permintaan berupa pujukan. Hal ini dapat dilihat pada perundingan fasa pertama. Daya ujaran permintaan berupa pujukan digunakan untuk merealisasikan misi baginda untuk bertemu dengan keluarga baginda. Walaupun baginda mempunyai kuasa untuk memberi arahan yang mempunyai daya desakan yang tinggi, namun baginda lebih suka menggunakan pujukan yang bernada lembut dan santun (Siti Hajar, 2010) sebagai tarikan untuk mereka datang berulang kali ke Mesir. Daya ujaran permintaan kebanyakannya digunakan dalam perancangan baginda untuk bertemu dengan Bunyamin dalam strategi baginda untuk menyelesaikan konflik dan menyatukan hubungan kekeluargaan (al-Binnīy, 2003).

Jadual 2. Daya Ujaran Penyataan Nabi Yusuf AS

Bil	Fasa dan Ayat (A)
1.	2.A69 ... Akulah_saudaramu (Yusuf)
2.	2.A79 ... Kami berlindung kepada Allah SWT daripada mengambil sesiapa pun kecuali orang yang kami dapati barang kami dalam simpanannya. Sesungguhnya jika kami mengambil orang lain, nescaya menjadilah kami orang-orang yang zalim.
3.	3.A90 ... Akulah Yusuf dan ini adikku (Bunyamin). Sesungguhnya Allah SWT telah mengurniakan nikmat-Nya kepada kami. Sebenarnya sesiapa yang bertaqwa dan bersabar, maka sesungguhnya Allah SWT tidak menghilangkan pahala orang-orang yang berbuat kebaikan.
4.	3.A92 ... Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau dipersalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah SWT mengampunkan dosa kamu, dan Dia lah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.

Daya ujaran penyataan pula digunakan dalam kedua-dua perwatakan. Pertama, kesempatan sebagai orang atasan digunakan sebaiknya dengan menerangkan bahawa baginda menetapkan hukuman kepada orang yang melakukan kesalahan dan mengelakkan daripada berlaku kezaliman. Daya ujaran penyataan dimanfaatkan dengan sebaiknya pada perundingan fasa kedua untuk memberi keterangan tentang undang-undang yang adil sekali gus mendapat pengakuan daripada orang bawahan tentang kuasa yang ada pada orang atasan. Kedua, daya ujaran penyataan digunakan pada fasa ketiga apabila baginda membongkar rahsia tentang dirinya yang merupakan saudara kandung mereka. Ujaran penyataan pada ketika ini adalah sesuai berikutan mereka telah menginsafi tentang perbuatan mereka pada masa silam serta usaha baginda untuk menjalin kembali persaudaraan (al-Zuhailīy, 2007).

Jadual 3. Daya Ujaran Pertanyaan Nabi Yusuf AS

Bil	Fasa dan Ayat (A)
1.	1.A59 <u>Tidaklah</u> kamu melihat, bahawa aku menyempurnakan bekalan makanan kamu, dan bahawa aku sebaik-baik penerima tetamu?
2.	3.A89 ... Tahukah kamu (betapa buruknya) apa yang kamu telah lakukan kepada Yusuf dan adiknya, semasa kamu masih jahil (tentang buruknya perbuatan yang demikian)?

Pada perundingan fasa pertama, Nabi Yusuf AS memanfaatkan daya ujaran pertanyaan untuk memancing perhatian saudara-saudaranya tentang kedudukan baginda sebagai Menteri Kewangan yang pemurah. Manakala pada perundingan fasa daya ujaran pertanyaan tidak digunakan. Walau bagaimanapun, perundingan fasa ketiga menunjukkan bahawa Nabi Yusuf AS memanfaatkan ujaran pertanyaan untuk menegur dan memperingatkan saudara-saudaranya tentang perbuatan buruk mereka pada masa lalu terhadap adik mereka Nabi Yusuf AS. Teguran baginda itu telah menimbulkan kejutan di pihak mereka kerana tiada sesiapa yang mengetahui peristiwa itu melainkan saudara mereka Nabi Yusuf AS (al-Zuhailīy, 2007). Secara tidak langsung, daya ujaran pertanyaan ini merupakan cara baginda memperkenalkan diri baginda sebagai saudara kandung mereka.

Jadual 4. Daya Ujaran Penawaran Nabi Yusuf AS

Bil	Fasa dan Ayat (A)	Fungsi
1.	1.A60 Oleh itu, kalau kamu tidak membawa dia kepadaku, maka tidak ada hak bagi kamu mendapat bekalan makanan di sisiku	Ancaman

Daya ujaran penawaran hanya terdapat pada satu ayat sahaja iaitu berfungsi sebagai ancaman. Daya ujaran jenis ini didapati pada perundingan fasa pertama yang bertujuan untuk memancing saudara-saudaranya agar datang semula ke Mesir pada masa-masa akan datang (al-Binnīy, 2003). Hal ini dapat memudahkan baginda untuk menyusun perancangan-perancangan lain untuk menyatupadukan keluarga mereka.

5.2 *Hubungan modaliti (ṣīghat) dan partikel (adāt)*

Modaliti (*ṣīghat*) merupakan salah satu aspek dalam ilmu *Ma‘ānī*, iaitu gaya bahasa dalam ilmu balaghah. Menurut al-Jurjānī (1994), terdapat lima jenis modaliti, iaitu perintah (*amr*), larangan (*nahy*), pertanyaan (*istifhām*), harapan (*tamannī*), dan seruan (*nidā‘*) (‘Atīq, 1985). Modaliti dalam kajian ini didapati dalam bentuk perintah (*amr*), pertanyaan (*istifhām*), dan larangan (*nahy*). Berikut dikemukakan beberapa contoh modaliti dalam dialog nabi Yusuf AS. Allah SWT berfirman dalam surah *Yūsuf* [12] ayat 59:

وَلَمَّا جَهَّزَهُمْ بِجَهَّازِهِمْ قَالَ أَتُّونِي بِأَخٍ لَّكُم مِّنْ أَيْبِكُمْ أَلا تَرَوْنَ أَنِّي أُوْفِي الْكَفِيلَ وَأَنَا خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

Berkatalah ia: “(pada kali yang lain) Bawalah kepadaku saudara kamu yang sebapa. Tidakkah kamu melihat, bahawa aku menyempurnakan bekalan makanan kamu, dan bahawaa Aku sebaik-baik penerima tetamu?”

Ayat 59 menunjukkan, pada permulaan dialog, Nabi Yusuf AS menggunakan modaliti perintah dalam bentuk permintaan. Modaliti perintah ini dikesan melalui penggunaan kata kerja *amr* (perintah). Sebagai seorang yang berkedudukan, Nabi Yusuf AS menunjukkan praktis kuasa apabila baginda memberi arahan kepada saudara-saudaranya untuk membawa Bunyamin bersama-sama mereka pada pertemuan yang seterusnya (al-Zuhailīy, 2007).

Dialog baginda diteruskan dengan penggunaan modaliti pertanyaan (*istifhām*) untuk mendapatkan pengesahan daripada saudara-saudaranya tentang sifat baginda yang pemurah serta meraikan tetamu. Pertanyaan sebegini adalah pertanyaan retorik dan tidak memerlukan jawapan tetapi sekadar renungan kepada saudara-saudaranya tentang budi baik yang ditaburkan kepada mereka (‘Atīq, 1985). Allah SWT berfirman dalam surah *Yūsuf* [12] ayat 60:

فَإِن لَّمْ تَأْتُونِي بِهِ ۖ فَلَا كَيْلَ لَكُمْ عِنْدِي وَلَا تَقْرُبُونِ ﴿٦٠﴾

Maksudnya:

“Oleh itu, kalau kamu tidak membawanya kepadaku, maka tidak ada hak bagi kamu mendapat bekalan makanan di sisiku, dan janganlah kamu menghampiriku lagi.”

Dalam ayat 60, sebaliknya baginda mengugut tidak akan menyediakan makanan sekiranya permintaan untuk membawa Bunyamin tidak dipenuhi (al-Binnīy, 2003). Hal ini diperlihatkan melalui penggunaan partikel jika (*syarṭ*) di permulaan bicara. Malah, kata-kata baginda itu turut ditegaskan dengan penggunaan modaliti larangan (*nahy*) untuk berjumpa dengan baginda lagi. Dialog Nabi Yusuf AS menunjukkan terdapat praktis kuasa apabila baginda berkuasa untuk menentukan hak menyediakan sumber makanan atau tidak kepada saudara-saudaranya. Pemberian dan penawaran bekalan makanan untuk kali berikutnya dilakukan sebagai menabur budi. Allah SWT berfirman dalam surah *Yūsuf* [12] ayat 69:

وَلَمَّا دَخَلُوا عَلَى يُوسُفَ ءَاوَىٰ إِلَيْهِ أَخَاهُ قَالَ إِنِّي أَنَا أَخُوكَ فَلَا تَبْتَئِسْ بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٦٩﴾

Maksudnya:

Dan semasa mereka masuk mendapatkan Yusuf, ia menempatkan saudara kandungnya (*Bunyāmin*) bersama-samanya, sambil berkata kepadanya: “Akulah saudaramu (*Yāsuf*), oleh itu janganlah engkau berdukacita lagi disebabkan apa yang mereka lakukan”.

Dalam ayat 69, Nabi Yusuf AS menggunakan partikel penegasan diikuti dengan kata ganti nama ‘saya’. Pengulangan kata ganti nama ‘saya’ dalam dialog tidak bermaksud berlaku pertindihan ayat tetapi menguatkan kata-kata (‘Atīq, 1985). Semasa bertemu kembali dengan adiknya Bunyamin, baginda bersemangat meyakinkan Bunyamin bahawa baginda adalah abangnya. Baginda meneruskan perundingannya bersama Bunyamin dengan menggunakan modaliti larangan (*nahy*) daripada terus-terusan berdukacita dengan perbuatan saudara-saudara mereka yang lain. Dalam keadaan ini, baginda amat memahami kedudukan Bunyamin seperti dirinya juga yang dibenci oleh saudara-saudara yang lain. Baginda menonjolkan kuasa dan kesungguhannya untuk membela adiknya menerusi amalan wacananya. Baginda memberi jaminan untuk membela adiknya

sebaik-baiknya berbanding apa yang telah abang-abangnya lakukan kepadanya. Allah SWT berfirman dalam surah *Yūsuf* [12] ayat 89:

قَالَ هَلْ عَلِمْتُمْ مَا فَعَلْتُمْ بِيُوسُفَ وَأَخِيهِ إِذْ أَنْتُمْ جَاهِلُونَ ﴿٨٩﴾

Maksudnya:

Yūsuf berkata: “Tahukah kamu (betapa buruknya) apa yang kamu telah lakukan kepada *Yūsuf* dan adiknya, semasa kamu masih jahil (tentang buruknya perbuatan yang demikian)?”

Ayat 89 menggunakan modaliti pertanyaan melalui partikel *hal al-istifhām* yang berfungsi untuk mendapatkan pengesahan (‘Atiq, 1985). Realitinya, baginda ingin memberitahu abang-abangnya bahawa Menteri Kewangan yang sedang berurusan dengan mereka itu adalah adik mereka iaitu, Yusuf. Nabi Yusuf AS melakukan perundingan yang sangat berhemah ketika memperkenalkan dirinya apabila baginda secara tidak langsung memberi peringatan kepada mereka dan mengajak mereka bertaubat sebaik mereka mengenang perbuatan mereka terhadap baginda dan Bunyamin pada masa lalu adalah buruk dan salah.

5.3 Struktur Dialog

Menurut Schegloff dan Sacks (1973), struktur perbualan perlu melalui peraturan pasangan lazim (*adjacency pairs*) dalam lakuan bahasa seperti soal-jawab, jemputan-penolakan, sapaan-sapaan, dan panggil-jawab. Kajian mendapati, dalam dialog perundingan fasa pertama dan ketiga antara Nabi Yusuf AS dan saudara-saudaranya, struktur tersebut tidak dipatuhi.

Perundingan fasa pertama pada ayat 59 menunjukkan, dialog dimulai oleh Nabi Yusuf AS dengan ayat pertanyaan. Pasangan lazim untuk pertanyaan sepatutnya dibalas dengan jawapan. Dalam situasi ini, pertanyaan ini merupakan pertanyaan retorik yang tidak memerlukan jawapan (al-Binnīy, 2003).

Dalam perundingan fasa ketiga, dialog dimulai oleh saudara-saudara Nabi Yusuf AS iaitu pada ayat 88 dalam bentuk rayuan belas kasihan daripada Menteri Kewangan agar diberi sukatan makanan. Dalam peraturan pasangan lazim, rayuan sepatutnya dipasangkan bersama maklum balas berkaitan dengan permintaan (Silverman, 1998). Walau bagaimanapun, permintaan mereka tentang makanan tidak mendapat maklum balas yang sewajarnya malah dilontarkan dengan pertanyaan tentang adik mereka Nabi Yusuf AS, iaitu pada ayat 89. Keadaan mereka yang menderita kelaparan membuatkan Nabi Yusuf AS berasa kasihan dan tidak sanggup menyembunyikan diri sebagai pembesar Mesir sehingga membuka rahsia dirinya kepada mereka. Bentuk rayuan menunjukkan saudara-saudaranya secara tidak langsung mengakui kuasa yang dimiliki oleh baginda. Justeru, untuk memperkenalkan diri baginda, memadai dengan lontaran persoalan tentang perbuatan silam mereka terhadap baginda. Strategi ini merupakan ilham daripada Allah SWT agar membuka rahsia ketika saudara-saudaranya dalam keadaan tidak berdaya atas kesempitan hidup. Atas rasa ihsan baginda dengan kesempitan hidup keluarganya, maka baginda mengisytiharkan dirinya sebagai saudara kandung mereka yang akhirnya menimbulkan keinsafan atas perbuatan jahat mereka yang lalu (al-Zuhailīy, 2007).

6. Kesimpulan

Perundingan yang dilakukan oleh Nabi Yusuf AS diserahkan oleh wacananya. Kekuatan perundingan baginda terletak pada kuasa wacana sejajar dengan praktis sosial yang diamalkan. Ini kerana baginda telah menyeimbangkan dua watak, iaitu sebagai orang atasan dan juga saudara kandung ketika berhadapan dengan saudara-saudaranya. Keadaan ini menunjukkan bahawa dalam ketegasan masih ada perasaan sayang. Walaupun baginda telah dianiaya ketika waktu kecil, tetapi baginda tidak menyimpan perasaan dendam terhadap saudara-saudaranya. Hal ini membuktikan, tiada unsur-unsur dendam dalam setiap ujaran daripada dialog perundingan Nabi Yusuf AS. Malah, fungsi dialog-dialog perundingan baginda adalah ke arah mendamaikan dan menyatukan hubungan kekeluargaan. Kejayaan perundingan ini diukur berdasarkan cara baginda menggembelng bahasa dalam praktis sosial bermula daripada perundingan fasa pertama hingga fasa ketiga. Baginda memiliki ciri-ciri kuasa dinamik dalam proses menghubungkan kembali persaudaraan mereka yang ditonjolkan melalui bahasa yang bersifat persuasif, tegas, dan santun. Dalam surah *Yūsuf*, perundingan antara Nabi Yusuf AS dan saudara-saudaranya membuktikan bahawa bahasa dapat menyelesaikan konflik kekeluargaan. Pemanfaatan bahasa dalam penyelesaian konflik dikaitkan dengan kuasa yang terselindung di dalamnya.

Rujukan

- ‘Atīq, A. A. (1985). *Fī al-Balāghat al-‘Arabīyyah: ‘Ilm al-Ma‘ānī, al-Bayān, al-Badī’*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabīyyah.
- al-Binnīy, A. M. B. (2003). *Mausū‘ah tafsīr sūrah Yūsuf*. t.tp.: t.pt.
- al-Jurjānīy, A. A. (1994). *Dalā‘il al-I‘jāz fī ‘Ilm al-Ma‘ānī*. Beirut: Dār al-Ma‘rifah.
- al-Najjār, A. A. (2004). *Qaṣaṣ al-anbiyā’*. Beirut: Dār al-Nahḍah al-‘Arabīyyah.
- al-Zuhailīy, W. (2003). Negotiation in Islam. *The Process of International Negotiation Project Network Newsletter (PIN Points)*, 21, 1-4. Retrieved from <https://www.pin-negotiation.org/userfiles/images/pinpoints/PP21.pdf>.
- al-Zuhailīy, W. (2007). *Al-Tafsīr al-Munīr fī al-‘aqidah wa al-sharī‘ah wa al-manhaj*. Jil. 7. Damsyik, Syria: Dār al-Fikr.
- Asmah, O. (2000). *Wacana perbincangan, perbahasan dan perundingan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Basmeih, A. (2009) *Tafsir pimpinan al-Rahman kepada pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Darulfikr Sdn. Bhd.
- Chang, H. C. H. (2021). Multi-issue negotiation with deep reinforcement learning. *Knowledge-Based Systems*, 211, 106544. <https://doi.org/10.1016/j.knosys.2020.106544>.
- Fairclough, N. (1992). *Discourse and social change*. Cambridge, UK: Polity Press.
- Fairclough, N. (1995). *Critical discourse analysis: The critical study of language*. New York, NY: Longman.
- Fairclough, N. (2003). *Analysing discourse: Textual analysis for social research*. London, UK: Routledge.
- Geiger, I. (2017). A model of negotiation issue-based tactics in business-to-business sales negotiations. *Industrial Marketing Management*, 64, 91-106. <https://doi.org/10.1016/j.indmarman.2017.02.003>.
- Hayashi, T. & Hayashi, R. (1997). Ideology and power of English in Japanese texts. *Fourth International Conference on World English: Language, Education and Power*. National University of Singapore for IAWA, Singapore.
- Idris, A. (2008). Bahasa dan kuasa: analisis wacana Barisan Nasional dalam Pilihan Raya Umum Malaysia ke-11. *Akademika*, 72, 69-96. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/570>.
- Idris, A. (2000). Bahasa, kuasa, dan ideologi: analisis wacana kritis sebutan baku bahasa Melayu. *Akademika*, 56, 121-133. Retrieved from <https://ejournal.ukm.my/akademika/article/view/3005>.
- Kim, P. H. Pinkley, R. L. & Fragale, A. R. (2005). Power dynamics in negotiation. *The Academy of Management*, 30(4), 799-822. Retrieved from <http://www.jstor.org/stable/20159169>.
- Leeuwis, C. (2000). Reconceptualizing participation for sustainable rural development: towards a negotiation approach. Dlm. Saith, A. Arsel, M. Biekart, K. Chhachhi, A. O’Laughlin, B. & Storm, S. (Pytg.). *Development and Changed*, (931-935). Oxford, UK: Blackwell Publishers.
- Lewicki, R. J., Saunders, D. M. & Barry, B. (2015). *Essentials of negotiation*. New York, NY: McGraw-Hill.
- Mariam, A. M., Sahlawati A. B., Muhammad, Y. M. A., Salasiah, H. H., Zulkefli, A., Mohd Ridhuan, M. J., & Naqibah, M. (2020). Pendekatan mengurus konflik dalam rumah tangga bermadu. *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 5(1), 253-265. Retrieved from <http://al-irsyad.kuis.edu.my/index.php/alirsyad/article/view/98>.
- Mulholland, J. (1991). *The language of negotiation: A handbook of practical strategies for improving communication*. New York, NY: Routledge.
- Munif, Z. F. N. (2008). *Bahasa kepimpinan Rasulullah SAW: analisis wacana khutbah Ghazawāt al-Rasūl* (Tesis PhD tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Norhayati Rafida A.R., Nurul Husna N.H., & Safiyyah A.S. (2012). Perundingan asas penyebaran dakwah Islam: analisis kerangka ke atas perjanjian zaman Rasulullah SAW. *Global Journal Al-Thaqafah*, 2(1), 55-68. Retrieved from <http://www.gjat.my/gjat062012/gjat1420120201.pdf>.
- Patton, B. (2005). Negotiation. Dlm. Moffitt, M. L. & Bordone, R. C. (Pnyt.). *The Handbook of Dispute Resolution*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Pruitt, D. G. (1983). Strategic choice in negotiation. *American Behavioral Scientist*, 27, 167-194. <https://doi.org/10.1177/000276483027002005>.
- Putnam, L.L. (2005). Discourse analysis: mucking around with negotiation data. *Discourse International Negotiation*, 10, 17-32. <https://doi.org/10.1163/1571806054741083>.
- Reardon, K. (2004). *The skilled negotiator*. San Francisco, CA: Jossey-Bass.
- Sapir, E. (1921). *Language an introduction on the study of speech*. New York, NY: Hardcourt.



Published biannually by:
**Faculty of Islamic Civilization Studies,
Selangor International Islamic University College (KUIS)**
Bandar Seri Putra, 43600, Bangi, Selangor (Darul Ehsan) Malaysia.
Tel: +603-8911 7167. Fax: +603-8925 4402
Email: alirsyad@kuis.edu.my
Web: <http://al-irsyad.kuis.edu.my/>

Vol. 6, No. 1, (June, 2021)

- Schegloff & Sacks, H. (1973). Opening up closings. *Semiotica*, 8, 4, 289–327. Retrieved from <https://web.stanford.edu/~eckert/Courses/11562018/Readings/SchegloffSacks1973.pdf>.
- Shell, G.R. (2019). Transactional man: Teaching negotiation strategy in the age of Trump. *Negotiation Journal*, 35(1), 31-45. <https://doi.org/10.1111/nejo.12282>.
- Silverman, D. (1998). *Harvey sacks: social science and conversation analysis*. New York, NY: Oxford University Press.
- Siti Hajar, A. A. (2010). *Pragmatik linguistik*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.